



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 SEPTEMBER 2016

## UMNO mampu hadapi serangan bekas pemimpin - Reezal

Uim- 14/9/2016

**KEPALA BATAS 13 Sept.** - UMNO yakin mampu menghadapi serangan yang dilancarkan bekas pemimpinnya berdasarkan pengalaman berdepan dua krisis besar sebelum ini.

Tanpa memandang mudah cabaran berkenaan, Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican berkata, walaupun ahli-ahli parti terkesan dengan situasi berkenaan pada awalnya, prinsip kesetiaan kepada parti akan memainkan peranan penting dalam menentukan keutuhan UMNO

Katanya, pakatan yang cuba digerakkan bekas Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini sekadar mengulangi sejarah lama.

"UMNO berpecah teruk pada 1987 dan ketika itu ramai Menteri Kabinet dan tokoh besar UMNO yang tidak menyokong Presiden.

"Namun lama-kelamaan, parti dapat diperkukuhkan semula dan gerakan menentang itu semakin lemah," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Korban Perdana Parlimen Kepala Batas di sini hari ini.

Sempena majlis berkenaan, sebanyak 55 ekor lembu disembelih untuk diagihkan kepada lebih 4,000 penduduk memabitkan kawasan Penaga, Bertam dan Pinang Tunggal.

Sebelum ini, Dr. Mahathir membuat pusingan U apabila hadir ke mahkamah untuk menyokong seteru politik utama,

nya, Anwar.

Pertemuan berkenaan disifatkan pemerhati politik sebagai langkah terdesak yang diambil oleh bekas Perdana Menteri itu untuk menjatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak selepas gerakan yang dilancarkan sejak setahun lepas gagal.

Sementara itu, mengulas mengenai Barisan Nasional (BN) di negeri ini, Reezal Merican berkata, UMNO dan BN mampu membuat kejutan dengan merampas semula Parlimen Permatang Pauh dan Nibong Tebal kerana pernah menang di situ.

"Jangan patah semangat kerana kita telah buktikan mampu bangkit setelah kalah seperti mana berjaya merampas semula Parlimen Balik Pulau.

"UMNO juga pernah kalah di Kedah dan Terengganu namun atas semangat perjuangan dan tidak pernah berputus asa, kedua-dua negeri berkenaan berjaya ditawan semula," katanya.

Dalam masa sama, Reezal Merican berkata, beliau berharap parti komponen BN iaitu Gerakan dan MCA dapat mencari kaedah baharu menarik sokongan pengundi dan tidak boleh berterusan menggunakan cara lama.

"Mereka perlu bangkit dan pada saya, ia bukan sesuatu yang mustahil kerana Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) telah membuktikan mereka berjaya meraih semula sokongan pengundi Cina selepas kalah sebelum ini," katanya.